

# WORMEX TABLET

Pyrantel pamoate (125mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Wormex*
2. Bagaimana *Wormex* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Wormex*
4. Cara menggunakan *Wormex*
5. Semasa menggunakan *Wormex*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Wormex*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Wormex*

Ia digunakan untuk merawat jangkitan tunggal atau beberapa jenis cacing seperti kerawit, gelang, rambu dan kait.

## Bagaimana *Wormex* berfungsi

*Wormex* mengandungi pyrantel pamoate, tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai antelmintik yang menghapuskan jangkitan cacing. Ia membunuh cacing.

## Sebelum menggunakan *Wormex*

### - Bila tidak boleh menggunakan

- Jangan mengambil *Wormex* jika terdapat alahan kepada pyrantel pamoate atau bahan tidak aktif yang terkandung dalam *Wormex*.
- Jangan mengambil ubat jika hamil atau menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum menggunakan *Wormex*

Beritahu doktor atau ahli farmasi jikalau anda mempunyai masalah fungsi hati terjejas.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Piperazine (rawatan untuk cacing kerawit dan cacing gelang) boleh menghalang kesan antelmintik pyrantel. Pengambilan serentak adalah tidak digalakkan. Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan *Wormex*

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa atau kanak-kanak lebih 2 tahun: oral, 10mg/kg berat badan dengan dos maksima 1gm sebagai dos tunggal. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Untuk cacing kerawit – dos diulangi setiap dua hingga tiga minggu. Untuk cacing gelang – dos diulangi setiap dua hingga tiga minggu jika perlu. Untuk cacing kait – dos diulangi sekali sehari untuk tiga hari. Pyrantel boleh diambil sebelum atau selepas makan. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan *Wormex*

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *Wormex*. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan memberi *Wormex* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Penggunaan *Wormex* harus diberi perhatian teliti semasa hamil dan menyusukan anak. Kesan baik dan buruk daripada ubat ini kepada bayi harus dinilai.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Wormex* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Kesan dialami biasanya jarang dan berlaku, ringan dan untuk sementara, gangguan gastrousus, sakit kepala, pening kepala, ruam kulit dan demam pernah dilaporkan. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

## Cara penyimpanan dan pelupusan *Wormex*

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Tablet bulat warna kuning, berskor atas dan perisa vanila.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: pyrantel pamoate.
- Bahan tidak aktif: laktosa, tepung jagung, microcrystalline cellulose, perisa vanila dan magnesium stearate.

### - Nombor MAL

MAL19912087X

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

12/04/2017

## Nombor siri

BPFK(R4/1)120417/00077